

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1998/99

Februari 1999

HST 326/422 - Isu-Isu Dalam Sejarah Awal Asia Tenggara

Masa: [3 jam]

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. "Penemuan arkeologi menyokong pandangan Coedes dan Benda bahawa suatu infrastruktur masyarakat wujud di Asia Tenggara pada zaman prasejarah". Jelaskan.
2. "Anggapan kita terhadap sifat-sifat kerajaan mempengaruhi kefahaman kita tentang proses kewujudan kerajaan awal di Asia Tenggara". Jelaskan pernyataan ini dengan merujuk kepada tafsiran terhadap Fu-nan.
3. Sejauh manakah penemuan arkeologi baru mengubah pandangan kita tentang proses "Indianisasi" di Asia Tenggara? Terangkan.
4. Jelaskan kepentingan perkembangan perdagangan antara Barat dan Timur yang membawa kepada kemunculan Srivijaya.
5. Apakah aspek politik dan sosio-ekonomi yang penting di Pulau Jawa dan Cambodia dari 500 hingga 1000 Masihi? Nyatakan pandangan anda dengan merujuk kepada bukti-bukti arkeologi.
6. "Kerajaan Angkor tidak bergantung kepada sistem pengairan yang besar-besaran untuk mengawal penduduk". Setujukah anda?

7. "Sejarah politik adalah tentang golongan atasan, tetapi sejarah sosio-ekonomi adalah tentang rakyat". Jelaskan pernyataan ini dengan merujuk kepada 'kehidupan kebendaan' di Asia Tenggara pada zaman moden awal.
8. Sejauh manakah sumber Cina menjelaskan perubahan politik dan sosial di Asia Tenggara pada abad ke-15 dan 16? Jelaskan dengan merujuk kepada Ming Shi-lu.

-- oo000oo --